

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 7 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 37

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1522-L19613

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional perubahan-perubahan terkini yang dilakukan terhadap program Malaysia My Second Home (MM2H).

2. PR-1522-L20768

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha Kerajaan untuk menangani masalah pengangguran dalam kalangan belia kerana pekerjaan tidak setimpal dengan bidang pengajian, kekurangan bakat selain isu kualiti serta kuantiti pekerjaan.

3. PR-1522-L19815

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan asas-asas rayuan yang telah dikemukakan oleh Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas Malaysia) terhadap terma lesen operasi yang telah dipersetujui mereka sebelum ini, dan apakah keputusan Kementerian dan rasional terhadap rayuan tersebut.

4. PR-1522-L20323

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sokongan dan inisiatif jangka pendek dan panjang Wisma Putra terhadap Kerajaan Afghanistan khususnya dalam mengukuhkan institusi pentadbiran dan memberdayakan potensi dan penglibatan wanita dan pendidikan kanak-kanak dalam memacu pembangunan negara tersebut.

5. PR-1522-L19824

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk memastikan makanan tradisi rakyat Malaysia seperti nasi lemak, bah kut teh, laksa diangkat martabat sebagai makanan kebangsaan Malaysia dan tidak dituntut sebagai makanan kebangsaan negara lain.

6. PR-1522-L20720

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pertimbangan serta usaha kerajaan dalam memperhalusi semula geran perkaita berdasarkan Bahagian I Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan.

7. PR-1522-L19677

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) berapa peratus/hektar baki tanah gambut negara yang belum dijadikan tapak pertanian; dan
- (b) adakah Kementerian akan meneroka teknologi untuk meningkatkan kualiti baki tanah gambut negara yang merupakan ekosistem penting dalam penyimpanan karbon serta pemuliharaan biodiversiti.

8. PR-1522-L20679

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah bentuk kerjasama merentasi agensi untuk menarik minat anak-anak muda tempatan menceburii bidang perladangan/sektor separa mahir serta melahirkan lebih ramai agropreneur muda, sekali gus mengatasi isu kebergantungan serta lambakan tenaga kerja asing di negara kita.

9. PR-1522-L19873

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menambah baik kedudukan Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) Malaysia dan untuk memastikan bekalan bahan makanan penting seperti telur, gula dan beras mencukupi untuk memenuhi permintaan rakyat Malaysia.

10. PR-1522-L20806

Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) bilangan permohonan pinjaman cagaran KWSP bagi fasiliti sokongan Akaun 2 KWSP (FSA2) sehingga Mei 2023, serta jumlah permohonan yang telah diluluskan mengikut kategori isi rumah; dan
- (b) implikasi kewangan kepada pencarum sekiranya mereka gagal atau tidak mampu melunaskan pembayaran balik pinjaman.

11. PR-1522-L19518

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menaik taraf dan ubah suai semua balai polis dan berek polis untuk memastikan keselesaan anggota Polis DiRaja Malaysia dan keluarga mereka sentiasa terjamin semasa mereka masih dalam perkhidmatan.

12. PR-1522-L20842

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah proaktif yang sedang dirangka oleh Kementerian bagi menangani isu lambakan sayur-sayuran dan buah-buahan yang terbazir dan sejauh manakah pembangunan data tentang tingkah laku pasaran (*market behaviour*) dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengekang isu pembaziran ini.

13. PR-1522-L20007

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memerangi masalah diskriminasi pekerja berdasarkan jantina, etnik, agama, dan faktor lain.

14. PR-1522-L20965

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) jumlah terkini pemasangan solar di pejabat Kementerian, pasaraya, hotel, rumah ibadah dan kediaman; dan
- (b) sejauh mana kajian dilakukan bagi mewujudkan subsidi pemasangan panel solar di kediaman kepada golongan B40 memandangkan pemasangan panel solar yang masih tinggi walaupun inisiatif NEM 3.0 diperkenalkan.

15. PR-1522-L19712

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha Kementerian untuk melaksanakan Visa On Arrival (VOA) untuk warga China dan India bagi menarik lebih banyak pelancong ke Malaysia.

16. PR-1522-L20914

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan status pelaksanaan projek BioCNG (gas asli daripada kelapa sawit) dan berapa jumlah perbelanjaan Kerajaan sejak bermula pada tahun 2018 hingga kini.

17. PR-1522-L20050

Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah strategi Kerajaan di dalam mempertingkatkan hasil dan kualiti padi negara berbanding dengan negara-negara seperti Thailand dan Vietnam yang jauh lebih maju dan berkualiti hasil padinya; dan mengapa beras import masih lebih popular berbanding beras tempatan.

18. PR-1522-L20899

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perancangan Kementerian untuk memastikan agar syarikat yang telah dikenal pasti dan berpotensi untuk mendapat status *unicorn* atau *decacorn* mengekalkan ibu pejabat dan operasi mereka di negara kita.

19. PR-1522-L20613

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan boleh mempertimbangkan untuk meluaskan skop perlindungan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) supaya melindungi akaun deposit pengguna terhadap kerugian yang berlaku akibat serangan siber dan penipuan 'scam' yang amat berleluasa kini.

20. PR-1522-L20326

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kajian terhadap impak bagi terumbu karang, kawasan perikanan dan rumput laut yang akan terjejas termasuklah kepada negeri Kedah dan Perak sekiranya projek tambakan laut bagi pembangunan tiga pulau buatan di Pulau Pinang diteruskan.

21. PR-1522-L20807

Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hasil yang diperoleh menerusi kutipan cukai pendapatan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengikut kategori pendapatan isi rumah bagi tempoh 2018 hingga 2022.

22. PR-1522-L20838

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk mengkomersialkan sektor 3D (kotor, bahaya dan sukar) bagi menarik minat lebih ramai warga tempatan khususnya golongan belia dan apakah usaha-usaha yang sedang diambil bagi mengkaji semula kadar pembayaran yang lebih sesuai setimpal dengan risiko pekerjaan itu sendiri.

23. PR-1522-L20227

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengikut realiti data dan fakta semasa, adakah tindakan beberapa siri kenaikan Overnight Policy Rate (OPR) sejak tahun lalu sehinggalah baru-baru ini, mampu mengawal kadar inflasi negara sekaligus dapat mengurangkan kos hidup rakyat.

24. PR-1522-L19948

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan yang telah dimainkan oleh Task Force yang diketuai Kementerian Luar Negeri untuk menangani sindiket jenayah penipuan tawaran pekerjaan di luar negara setelah sejumlah 564 laporan mangsa sindiket diterima oleh KLN sejak 13 Februari 2023.

25. PR-1522-L20964

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan persediaan yang dilakukan oleh Kerajaan dalam berhadapan dengan ancaman gempa bumi berikutan negara kerap kali merasai gempa bumi daripada Indonesia dan Filipina.

26. PR-1522-L19972

Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rasional Majlis Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (MTVET) yang telah dipindahkan dari Kementerian Pendidikan Tinggi yang mempunyai paling ramai peserta dari bidang TVET termasuk di Universiti dalam senarai Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

27. PR-1522-L20528

Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha untuk menyemak keseluruhan akta-akta berkaitan industri perjudian bagi mengurangkan aktiviti perjudian dalam kalangan rakyat.

28. PR-1522-L20759

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah dinamik dan progresif yang terkini dalam usaha menambah pendapatan rakyat bagi mengimbangi Kadar Dasar Semalam (OPR) 25 mata asas kepada 3.0 peratus yang dinaikkan Bank Negara Malaysia (BNM) pada 3 Mei 2023.

29. PR-1522-L20390

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan rancangan Kementerian untuk menjadi pengantara dalam menyelesaikan pengenaan caj sumber air mentah oleh Kerajaan Negeri Kedah kepada Pulau Pinang.

30. PR-1522-L21037

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes yang sedang disiasat di bawah SOSMA mengikut kategori kesalahan dari tahun 2012 ke 2022.

31. PR-1522-L20656

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status projek tebatan banjir di Kampung Gantok dan kawasan sekitar.

32. PR-1522-L20712

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai pelancongan yang telah dikutip terutamanya untuk negeri Perlis dan berapa jumlah yang telah dipulangkan kepada negeri.

33. PR-1522-L20570

Tuan Gobind Singh Deo [Damansara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status pindaan kepada Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan apakah pindaan yang dicadangkan serta bila pindaan tersebut akan dibentangkan.

34. PR-1522-L19985

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Kementerian akan menghapuskan larangan eksport kayu pokok getah ke luar negara kerana ia tidak adil kepada penanam-penanam pokok getah.

35. PR-1522-L20014

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf dan mempromosi pelbagai tarikan pelancongan berkaitan masyarakat India di Malaysia seperti Little India di Brickfields dan beberapa negeri lain serta Batu Caves yang menerima kunjungan ribuan pelancong asing dan tempatan setiap hari.

36. PR-1522-L20794

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah Persatuan-Persatuan Bekas Polis yang masih aktif dan bagaimanakah kebajikan ahli-ahli persatuan berkenaan.

37. PR-1522-L19895

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keprihatinan Kerajaan Persekutuan tentang pelbagai tekanan hidup rakyat dengan melaksanakan moratorium sementara bagi pembayaran balik pinjaman/pembentahan tanpa mengenakan sebarang caj tambahan atau keuntungan terakru khusus buat mereka yang menghadapi isu aliran tunai sebagai alternatif bagi pengeluaran simpanan KWSP.

38. PR-1522-L20412

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah-langkah terkini Kementerian di dalam menangani isu perkhidmatan bekalan air di negeri Kelantan.

39. PR-1522-L20582

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sama ada Kementerian akan menaik taraf bayaran Skim Subsidi Harga Padi (SSH) daripada RM360 per tan kepada RM500 per tan seperti mana dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU-15.

40. PR-1522-L19686

Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sehingga kini tiada data rasmi berkaitan bilangan pekerja asing yang masih aktif bekerja di negara ini. Berapa jumlah terkini, pekerja asing yang berdaftar di negara ini.

41. PR-1522-L20357

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status pembinaan ICQS Rantau Panjang dan juga status pembinaan Jambatan Muhibbah di sempadan Rantau Panjang - Golok.

42. PR-1522-L20856

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan tindakan terpantas untuk menangani masalah air dan elektrik di W.P. Labuan yang sangat kritikal sehingga menyebabkan perayaan Hari Raya Aidilfitri 2023 menjadi hambar berpunca daripada gangguan dan ketiadaan air dan elektrik.

43. PR-1522-L19620

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah caruman dan pengeluaran oleh pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta jumlah pendapatan dari pelaburan setiap tahun sejak 2018 hingga 2022 termasuk pengeluaran khas yang dibenarkan sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

44. PR-1522-L20672

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk agensi penguatkuasa Maritim Malaysia dalam menjaga sempadan negara dari dibolosi pendatang tanpa izin.

45. PR-1522-L19737

Tuan Wong Kah Woh [Taiping] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik permohonan dan kelulusan bagi Program MM2H setiap tahun dari tahun 2018 sehingga kini. Sama ada Kerajaan bercadang mempertimbangkan semula kriteria permohonan yang ditetapkan untuk mempergiatkan lagi pencapaian Program MM2H.

46. PR-1522-L19661

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah ada perancangan untuk mengganti sistem pengairan palong di kawasan IADA Barat Laut Selangor terutamanya di kawasan jelapang padi Sekinchan dan Sungai Besar kerana sistem palong tersebut sudah agak uzur dan telah berusia hampir 40 tahun.

47. PR-1522-L20162

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah perlombongan Lanthanide ataupun nadir bumi (*rare earth*) di Hulu Perak telah mendapat semua kelulusan daripada pihak Kementerian berkenaan dan adakah Kementerian berhasrat untuk meluluskan kilang pemprosesan nadir bumi di negeri Perak.

48. PR-1522-L20896

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah terdapat usaha oleh Kementerian untuk membangunkan kawasan hulu sungai di Lubok Antu sebagai sebuah destinasi eko-pelancongan serta bantuan yang disediakan untuk penduduk tempatan yang terlibat dalam industri pelancongan di kawasan ini khususnya pengusaha *homestay* di rumah-rumah panjang.

49. PR-1522-L20330

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan peranan lebih aktif yang boleh dimainkan Wisma Putra dalam usaha pendamaian konflik berpanjangan di Selatan Thailand.

50. PR-1522-L20278

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan tertarik untuk mengembalikan polisi sebelum tahun 2009 bahawa anak angkat akan mendapatkan status bermastautin tetap (Kad Pengenalan Merah) secara automatik sekiranya permohonan keangkatannya diluluskan.

51. PR-1522-L20750

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapa unjuran keperluan rakyat terhadap ayam dan telur ayam sepanjang tahun 2023 dan langkah yang diambil bagi memastikan keterjaminan ayam dan telur ini cukup bagi menampung keperluan rakyat bagi tahun 2023.

52. PR-1522-L20120

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat rancangan untuk menambah jumlah anggota yang ditugaskan ke balai-balai polis di kawasan Batang Lupar memandangkan kawasan ini luas dan keadaan geografinya mencabar bagi memastikan keselamatan penduduk setempat.

53. PR-1522-L20928

Tuan Kalam bin Salan [Sabak Bernam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana kemasukan pelancong asing dan keberadaannya di negara ini sentiasa dipantau supaya tidak disalahgunakan untuk bekerja, maksiat dan lain-lain. Berapa ramai yang tidak ada rekod kembali ke negara masing-masing.

54. PR-1522-L19803

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan penjawat awam yang ditahan atas pelbagai kesalahan berkaitan dadah sejak lima tahun lalu. Apakah langkah berterusan yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan gejala dadah ini di kalangan penjawat awam.

55. PR-1522-L20293

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan skala ekonomi untuk kayu bakau dan skala “carbon credit” untuk aktiviti perladangannya. Adakah Kementerian bercadang untuk mengembangkan industri perkayuan bakau yang boleh dibangunkan secara terancang serta pemeliharaan dan pemulihan Hutan Paya Bakau di Parlimen Merbok.

56. PR-1522-L19492

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah skop utama peranan Jawatankuasa Penasihat Menteri Kewangan yang dipengerusikan oleh Tan Sri Mohd Hassan Marican dalam membantu Menteri Kewangan.

57. PR-1522-L20978

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perancangan jangka masa pendek yang melibatkan projek tebatan banjir bagi menangani masalah limpahan air sungai dan hakisan teruk tebing yang telah membawa kesan buruk dari segi ekonomi, khususnya aktiviti pertanian untuk penduduk Kabong-Empayang – Nyabor.

58. PR-1522-L19844

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan khusus Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya bersama-sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menarik pelancong luar negara ke Pulau Pinang khususnya di Batu Ferringgi.

59. PR-1522-L19541

Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan dan bentuk pemerkasaan penguatkuasaan yang boleh ditambah baik bagi menangani isu bot nelayan asing yang menceroboh masuk ke perairan negara.

60. PR-1522-L20659

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi isu dan cabaran pengangguran yang ketara termasuk jumlah penganggur aktif kurang daripada tiga bulan yang mencecah 61.0 peratus berdasarkan data terkini Statistik Tenaga Buruh DOSM untuk Februari 2023.

61. PR-1522-L20634

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan memandangkan Kuala Selangor yang memiliki pelbagai kelebihan dan keunikan tersendiri, apakah perancangan Kementerian untuk membangunkan Kuala Selangor sebagai pusat pelancongan terkemuka.

62. PR-1522-L19989

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada institusi kewangan patut bertanggungjawab atas kehilangan wang pelanggan yang ditipu oleh scammer jika wang yang hilang melebihi hak nilai urusan transaksi haram. Nyatakan sama ada institusi kewangan bertanggungjawab untuk memberhentikan transaksi-transaksi sesuatu akaun yang jelas mencurigakan seperti 10 transaksi berturut-turut dalam satu minit dan jumlah pemindahan dan pengeluaran jauh melebihi jumlah yang dibenarkan.

63. PR-1522-L20289

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah Kementerian bercadang memperkenalkan dasar dan kerangka kawal selia berhubung teknologi kecerdasan buatan (AI) mengambil kira penggunaan AI yang semakin meluas di peringkat global.

64. PR-1522-L20175

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) tanggungjawab jawatankuasa khas di peringkat Sarawak dalam urusan permohonan dokumen peribadi seperti sijil kelahiran, dan kad pengenalan diri; dan
- (b) jumlah permohonan dokumen peribadi yang diterima, dilulus dan ditolak Kementerian sejak lima tahun kebelakangan ini untuk Sarawak amnya dan kawasan Parlimen Baram khasnya.

65. PR-1522-L19560

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kejayaan, status kemajuan dan cabaran tentang Dasar Sains, Teknologi dan Innovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 untuk mentransformasi Malaysia menjadi sebuah negara berteknologi tinggi menjelang tahun 2030.

66. PR-1522-L20312

Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penutupan pintu sempadan laut Malaysia – Thailand di Kuala Perlis supaya dapat dibuka semula bagi merancakkan sektor pelancongan ekonomi negeri Perlis.

67. PR-1522-L19818

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam usaha menyelesaikan isu ketidakcukupan anggota penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan isu kekurangan peruntukan pendidikan.

68. PR-1522-L20233

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan strategi Kementerian bagi mempertingkatkan pengeluaran secara domestik untuk mengurangkan kebergantungan kepada import seterusnya merapatkan jurang imbangan dagangan (*balance of trade*) dalam sektor agromakanan.

69. PR-1522-L20248

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tentang inisiatif yang disediakan oleh Kementerian kepada petani, penternak dan pengusaha perniagaan berasaskan agro (sederhana dan kecil). Hal ini kerana apabila kumpulan yang disebutkan hadir ke pejabat Kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan lain-lain untuk memohon bantuan atau sokongan, jawapan yang diberikan adalah tiada peruntukan yang tersedia untuk mereka.

70. PR-1522-L19722

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengutip semula duti kastam terkurang kutip bagi kenderaan import yang dibawa keluar dari Pulau Bebas Cukai yang berjumlah RM72.32 juta pada tahun 2021 menurut Laporan Ketua Audit Negara 2021.

71. PR-1522-L20879

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Program-program Penanaman Semula Hutan di kawasan berstatus 'Kawasan Pembalakan' terutamanya di kawasan Parlimen Gerik.

72. PR-1522-L20273

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mempertimbangkan permohonan para penoreh getah agar harga lantai getah sekerap dinaikkan daripada RM2.70 sepertimana yang diumumkan pada Belanjawan 2023 kepada kadar baharu sekurang-kurangnya RM3 sekilogram.

73. PR-1522-L20171

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status kemajuan Projek Rancangan Tembatan Banjir Tawau Fasa 1A yang diluluskan pada RMK-11 – Pakej 3 dan 4 dan nyatakan.

74. PR-1522-L19744

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada kontrak projek Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe) yang diberikan kepada IRIS Information Technology Systems Bhd pada bulan Mac 2021 akan dibatalkan kerana projek itu telah mengalami kelewatan di mana hanya 10% daripada projek itu telah siap.

75. PR-1522-L19536

Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik semasa jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) yang dikesan dan ditahan dan langkah agresif dalam menangani PATI daripada terus membolosi sempadan negara. Apakah jaminan Kerajaan dalam memastikan PATI yang terlibat dengan program Pelan Rekalibrasi PATI 2.0 tidak mendatangkan masalah berbangkit seperti jenayah dan sosial.

76. PR-1522-L20366

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah peranan Kerajaan dalam mengawal kenaikan Kadar Dasar Semalam (OPR) oleh institusi bank yang menyebabkan rakyat turut mengalami tekanan kewangan akibat kenaikan OPR yang berulang kali dalam tempoh yang singkat.

77. PR-1522-L19961

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah pencapaian dalam lawatan Menteri di China. Apakah program MM2H akan diletakkan di bawah Kementerian ini dan cara-cara Kementerian mempromosi serta menambah baik MM2H.

78. PR-1522-L20878

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik terkini oleh KWSP mengenai bilangan ahli dan majikan yang aktif mencarum, pendaftaran ahli dan majikan baharu serta jumlah caruman bagi suku pertama tahun ini.

79. PR-1522-L20031

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan strategi untuk menangani masalah dadah jenis '*mushroom*' atau '*magic mushroom*' yang terdapat dalam pasaran dan dijadikan sebagai kandungan produk cecair rokok elektronik atau vape.

80. PR-1522-L20403

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha Kementerian meningkatkan tahap komersial pelancongan di Jerai Geopark selaras dengan pengumumannya sebagai tapak Geopark Kebangsaan pada tahun 2017.

81. PR-1522-L20154

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha untuk menarik lebih ramai pelancong khususnya dari Negara China selepas kejayaan lawatan Perdana Menteri ke negara itu.

82. PR-1522-L20786

Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [Lumut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah terkini Kerajaan mengenai pengemaskinian kriteria dan syarat program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) berikutan penurunan ketara dalam bilangan pemohonan MM2H akibat syarat ketat yang dikenakan.

83. PR-1522-L19739

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perkembangan terkini pelaksanaan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) yang telah sekian lama tertangguh:-

- (a) adakah sebarang inisiatif perbincangan telah diadakan dengan Kerajaan Negeri Perak sebagaimana dinyatakan sebelum ini, jika tidak, bilakah ia akan dilaksanakan; dan
- (b) inisiatif yang bakal diambil oleh Kerajaan Persekutuan dalam memastikan pembekalan air terawat ke negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia terjamin.

84. PR-1522-L19648

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk memastikan hasil Kerajaan melalui kutipan cukai yang didakwa masih kurang memberangsangkan berbanding negara serantau walaupun pelbagai langkah cukai telah dilaksanakan dalam Belanjawan tahunan.

85. PR-1522-L20753

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah inisiatif yang direncana oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ribuan tan sayur tempatan yang tidak dapat dijual dan dibuang, akibat terpaksa bersaing dengan lambakan bekalan sayur import dari luar negara.

86. PR-1522-L19740

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bilakah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang Fasa 1 akan bermula, dan juga RTB Sungai Pinang Fasa 2 yang juga perlu dilaksanakan bagi penyelesaian banjir secara keseluruhan di negeri Pulau Pinang.

87. PR-1522-L20950

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan Kerajaan telah mengumumkan bahawa harga ayam dan telur akan diapungkan selepas bulan Jun nanti di mana polisi apungan harga akan menggantikan polisi kawalan harga yang sedang berjalan. Adakah pihak Kementerian telah membuat kajian menyeluruh berkenaan kesan dari perubahan polisi ini.

88. PR-1522-L20017

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini penubuhan satu Pasukan Petugas Khas melibatkan agensi berkaitan bagi mencari penyelesaian tuntas ke atas masalah kebanjiran warga asing di Sabah yang terdiri daripada pemegang kad pengenalan (MyKad) yang meragukan, Pelarian Perang Filipina (Refugees), Orang Tanpa Kerakyatan (Stateless) dan Pendatang Tanpa Izin (PTI).

89. PR-1522-L20680

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah untuk menyelesaikan isu pihak insuran kenderaan motor yang menambahkan asas insurans kepada kenderaan lama yang majoriti digunakan rakyat marhaen, malah pihak insurans meletakkan nilai yang tidak sama dengan nilai pasaran kenderaan.

90. PR-1522-L19788

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan dan kaedah yang akan digunakan Kerajaan berkaitan dengan cadangan meningkatkan caruman KWSP oleh majikan hingga 20%.

91. PR-1522-L20660

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang membangunkan kawasan paya terbiar khususnya di Parlimen Temerloh, untuk dijadikan estet tanaman padi seperti di Parlimen Maran, Parlimen Bera dan Parlimen Rompin.

92. PR-1522-L19549

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penempatan sebuah cawangan tetap agensi KWSP di daerah Pontian untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Perkhidmatan kaunter sementara telah tidak dioperasikan lagi yang membebankan rakyat terpaksa berurus di daerah Johor Bahru.

93. PR-1522-L20185

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang memperhalusi dan menambah baik prosedur operasi standard (SOP) LHDN termasuk pengecualian sekatan ke luar negara ke atas individu yang mempunyai tunggakan cukai dengan amaun yang kurang daripada RM50,000.

94. PR-1522-L19913

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kemungkinan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) akan dimansuhkan apabila peruntukan RM5 billion yang diumumkan Belanjawan 2023 habis, menerima nasib serupa seperti Skim Rumah Pertamaku (SRP) sejak 1 April 2023, satu lagi komponen di bawah Inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia (i-Biaya).

95. PR-1522-L20915

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) tindakan Kementerian dalam usaha mempertingkat dan memanfaatkan sumber tenaga solar domestik di bawah Dasar Tenaga Negara; dan
- (b) inisiatif yang telah atau sedang diberikan kepada usahawan tempatan membangun dan menghasilkan sendiri panel solar mereka.

96. PR-1522-L19808

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan status terkini program Malaysia My Second Home (MM2H) dan apakah langkah-langkah yang telah atau akan diambil untuk meningkatkan semula keberkesanan program ini yang dapat membantu menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

97. PR-1522-L20307

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status siasatan polis terhadap sebidang tanah rizab Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di Kamunting, Perak yang telah ditukar milik kepada sebuah organisasi gereja di Melaka tanpa pengetahuan.

98. PR-1522-L20617

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi membantu rakyat B40 dan M40 yang terkesan dengan bayaran bulanan pinjaman bank yang lebih tinggi rentetan keputusan Bank Negara Malaysia menaikkan Kadar Dasar Semalam (OPR) daripada 2.75 peratus kepada 3.00 peratus.

99. PR-1522-L20292

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan di dalam membantu veteran-veteran polis dan keluarga veteran setakat ini.

100. PR-1522-L19738

Tuan Wong Kah Woh [Taiping] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah harta tanah yang berjaya dijual hasil daripada pelaksanaan House Ownership Campaign (HOC) pada tahun 2019 sehingga kini. Berapa anggaran pengecualian cukai setem yang telah dimanfaat oleh pembeli-pembeli rumah dan sama ada Kerajaan bercadang untuk meneruskan program ini.

101. PR-1522-L20518

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat sebarang tindakan terhadap pengajur perhimpunan dan perarakan yang melibatkan LGBT di ibu negara Kuala Lumpur pada 12 Mac 2023 susulan kertas siasatan yang lengkap oleh pihak berkuasa.

102. PR-1522-L19750

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada pengambilan pekerja asing akan dikendalikan oleh Pejabat Perdana Menteri dan bukannya oleh Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia untuk memastikan supaya proses pengambilan pekerja asing lebih terbuka dan telus di kedua-dua negara dan bukan dikawal oleh broker buruh atau orang tengah.

103. PR-1522-L20916

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kenapakah Kerajaan tidak memberikan pengecualian levi pekerja asing bagi sektor perladangan memandangkan kos operasi ladang telah meningkat antara 10-20% pasca COVID-19.

104. PR-1522-L19831

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menghentikan pengeluaran dan penggunaan wang 5 sen dalam pasaran dalam masa terdekat kerana melibatkan kos pengeluaran yang sangat besar dan tidak setimpal dengan nilai 5 sen tersebut. Kali terakhir Kerajaan memperkenalkan mekanisme penggenapan dalam urusniaga berkuatkuasa 1 April 2008 sekaligus menghapuskan penggunaan wang 1 sen.

105. PR-1522-L20356

Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perkembangan terkini projek tebatan banjir bagi negeri-negeri yang berpotensi menghadapi banjir.

106. PR-1522-L19612

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan prestasi terkini syarikat-syarikat berkenaan Kerajaan (GLC) dan langkah-langkah untuk memastikan mereka kekal kompeten dalam situasi ekonomi mencabar sekarang.

107. PR-1522-L19636

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjung Karang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pertimbangan pengecualian kenaikan cukai bagi taska/tadika, dicadangkan agar MOF menaikkan pengecualian cukai dari RM3000 ke RM5000 berikutan kadar bayaran bulanan semasa taska/tadika telah pun meningkat sekitar RM450-RM600 sebulan. Ini sedikit sebanyak akan meringankan beban para ibu bapa yang menghantar anak ke taska mahupun tadika.

108. PR-1522-L20715

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan keberjayaan Potongan Cukai Penajaan Aktiviti Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Di Bawah Subseksyen 34(6)(k) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan berapa jumlah potongan cukai yang telah diberikan untuk tahun 2022 dan 2023.

109. PR-1522-L19652

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menunaikan pemberian 20% royalti minyak kepada Sabah seperti yang dilauung-laungkan semasa kempen-kempen dahulu sebelum menjadi Perdana Menteri.

110. PR-1522-L20406

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perkembangan terkini penaiktarafan lima buah Loji Rawatan Air (LRA) di negeri Kedah.

111. PR-1522-L20117

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah jaminan bahawa Kerajaan akan mengenakan hukuman yang berat terhadap pengkhianat yang bersubahat dalam penyeludupan masuk pendatang asing tanpa izin (PATI) dan apakah langkah-langkah penambahbaikan yang akan diambil bagi mengekang perkara seperti ini daripada berulang.

112. PR-1522-L20741

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perancangan yang akan dijalankan terhadap lombong-lombong terbiar yang terdapat di Parlimen Bukit Gantang bagi memaksimumkan penggunaannya. Sebagai contoh satu lombong di kawasan Kurnia Jaya dan Batu 14 Trong yang terbiar dan perlukan pembersihan dan boleh dijadikan sebagai kawasan takungan air hujan.

113. PR-1522-L21029

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mekanisme strategik yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian dalam memperluas aspek kajian dan penyelidikan berkaitan pembangunan teknologi berasaskan mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim memastikan kelestarian sumber pertanian dan penternakan bagi memastikan kesiapsiagaan aspek keterjaminan makanan negara sentiasa mencukupi.

114. PR-1522-L20363

Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) kewajaran Kerajaan membuat kelonggaran syarat visa bagi pelancong China sedangkan rekod di Jabatan Imigresen Malaysia melaporkan lebih 1.2 juta pelancong China tidak keluar dari Malaysia semenjak tahun 2021; dan

- (b) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dan daripada jumlah tersebut berapa jumlah pelancong China yang telah dilaporkan keluar.
115. PR-1522-L19960
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah untuk menambah baik perkhidmatan imigresen di lapangan-lapangan terbang antarabangsa dan KIK Johor Bahru. Apakah Kementerian akan meluluskan “Visa On Arrival” bagi pelancong negara-negara tertentu.
116. PR-1522-L21008
Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perincian pihak Kementerian mengenai status terkini rancangan membina Loji Janakuasa Menggunakan Tenaga Nuklear di Malaysia.
117. PR-1522-L19551
Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pertimbangan terbaru pihak Kementerian mengenai cadangan penubuhan Lembaga Unggas Negara dan sejauh manakah cadangan mengenainya telah diperhalusi sebagai usaha menstabilkan kenaikan harga ayam dan telur dalam pasaran tempatan.
118. PR-1522-L20874
Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bagaimana hasil negara diperolehi daripada sumber hasil bumi seperti bijih timah, emas, koalin dan Lantanid (Rare Earth) memberi pulangan langsung kepada hasil negara. Adakah terdapat perjanjian dengan Kerajaan Negeri dan bagaimana sistem kerjasama dengan pengusaha atau pelombong dilakukan. Adakah terdapat perjanjian dilakukan seperitimana Perjanjian Carigali PETRONAS.
119. PR-1522-L20365
Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah pelan perancangan Kementerian bagi mengatasi masalah harga komoditi getah semasa yang sangat rendah dan menjelaskan pendapatan pekebun-pekebun kecil.

120. PR-1522-L19876

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan secara terperinci:-

- (a) berapa peratusan Air Tidak Terhasil (NRW) yang direkodkan di Sabah dan Sandakan; dan
- (b) berapa banyak yang telah diperuntukkan oleh Kementerian untuk mengatasi isu NRW yang tinggi di Sabah dan Sandakan.

121. PR-1522-L19848

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah pembentukan jawatankuasa bersama Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa Malaysia mampu memudahkan peralihan hijau sektor kewangan Perubahan Iklim (JC3) dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menyokong inisiatif ini.

122. PR-1522-L20664

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan untuk menjadikan rumah rakit moden di tepi Sungai Pahang khususnya di Temerloh yang mendapat sambutan baik sebagai lokasi tumpuan pelancongan yang diusahakan oleh penduduk tempatan untuk menarik lebih ramai pelancong ke Temerloh.

123. PR-1522-L19858

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menyediakan rakyat menghadapi impak peningkatan kadar OPR kepada 3.0%.

124. PR-1522-L20813

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk membina tebatan banjir di Sungai Krai yang menjadi punca utama banjir di beberapa kampung dan kawasan perumahan di sepanjang Sungai Krai yang menjelaskan 2000 orang penduduk dan kerugian yang dianggarkan bernilai jutaan ringgit.

125. PR-1522-L20464

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menukar tiang-tiang elektrik dan telefon kepada yang lebih kukuh pada ketinggian yang munasabah terutamanya di kawasan perkilangan membangun di luar bandar yang mempunyai struktur tanah gambut.

126. PR-1522-L19601

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) supaya dapat memberi kuasa secara jelas kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam menentukan sesuatu permohonan pengambilan tanah untuk tujuan '*public purpose*' atau tidak. Ini memandangkan beberapa buah Kerajaan negeri khususnya negeri Kedah menghadapi masalah pengambilan tanah untuk membangunkan kawasan industri.

127. PR-1522-L19689

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan syarat-syarat yang ditetapkan bagi seorang bukan warganegara yang memohon status sebagai pemastautin tetap dan seorang pemastautin tetap yang memohon status sebagai warganegara, jika terdapat pengecualian atau kelonggaran syarat yang diberikan kepada permohonan seumpamanya.

128. PR-1522-L20250

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tentang apakah pendekatan dan persediaan yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan jika berlaku konflik bersenjata atau perang melibatkan negara besar berdekatan atau negara jiran kita.

129. PR-1522-L20444

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah prosedur Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) ditambah baik dalam pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 bagi membendung pencemaran sungai yang semakin berleluasa.

130. PR-1522-L20966

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh mana Dasar Perubahan Iklim Negara 2009 disemak semula bagi memastikan kandungannya relevan dengan cabaran perubahan iklim yang berlaku pada hari ini.

131. PR-1522-L19869

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk mengatasi isu kewujudan sebilangan besar orang tanpa kerakyatan di Sabah, yang mengakibatkan banyak isu keselamatan sosial.

132. PR-1522-L20090

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terkini permohonan taraf kewarganegaraan di Sarawak. Nyatakan mengikut kategori Perkara 15A, 15 (2), 16, 19 dan Perkara 30. Adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk memberi kuasa khas bagi Sarawak menyelesaikan isu kewarganegaraan yang sudah lama tertunggak.

133. PR-1522-L19515

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap pihak-pihak termasuk Ahli-Ahli Parlimen yang giat merancang menjatuhkan Kerajaan Perpaduan sekarang termasuk Ahli-Ahli Parlimen yang mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang bersifat menderhaka.

134. PR-1522-L19663

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengecualikan visa bagi pelancong daripada negara China dan India, dan menggunakan kemudahan “*Automated Clearance System/e-gate*” bagi para pelancong antarabangsa ke Malaysia.

135. PR-1522-L19627

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah import makanan sejak tahun 2017 hingga 2022.

136. PR-1522-L21049

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan akan menunda atau menurunkan kadar OPR yang telah dinaikkan ke 3% baru-baru ini.

137. PR-1522-L19905

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status bayaran pampasan yang disalurkan oleh Kerajaan Jepun kepada Kerajaan Malaysia bagi 30,000 buruh paksa landasan kereta api maut Siam-Burma semasa Perang Dunia Kedua 1942-1946 dengan anggaran sebanyak RM207 bilion yang masih tidak diterima oleh mangsa maupun waris.

138. PR-1522-L20816

Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) berapakah jumlah pelaburan Khazanah Nasional ke dalam Iskandar Malaysia Studios (IMS) semenjak ianya mula dibina sekitar tahun 2010 dan berapakah hasil yang diterima sepanjang tempoh pelaburan Khazanah dalam IMS; dan

(b) berapakah harga jualan kepada konsortium Studio Management Services Sdn. Bhd. Adakah nilai jualan lebih rendah daripada jumlah pelaburan Khazanah. Sekiranya lebih rendah, mengapakah penjualan tersebut dibuat dan adakah SMS Sdn. Bhd. ini dimiliki pelabur luar negara.

139. PR-1522-L19666

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mewajibkan semua perolehan Kerajaan diluluskan secara tender terbuka dan senaraikan butiran serta nama syarikat-syarikat yang masih diberi kontrak konsesi atau monopoli oleh Kerajaan.

140. PR-1522-L20614

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk melaksanakan subsidi bersasar agar warga tempatan sahaja boleh menikmati subsidi pukal manakala warga asing perlu membayar harga pasaran barang (pukal) tersebut.

141. PR-1522-L20109

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional dalam peningkatan caruman Kumpulan Wang Simpanan majikan (KWSP) daripada 13% hingga 20%. Adakah cara alternatif atau beransur-ansur untuk meringankan tekanan majikan. Jelaskan.

142. PR-1522-L20141

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan subsidi bersasar termasuk petrol dan diesel dan apakah mekanisme dan jadual untuk melaksanakannya jika ada.

143. PR-1522-L19568

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memberi peruntukan secara geran kepada Kerajaan Sabah untuk menyelesaikan pelbagai masalah bekalan air bersih di Sabah yang sudah mencapai tahap kronik.

144. PR-1522-L20376

Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kerajaan berjaya mengangkat tahap sosioekonomi nelayan di Pantai Timur dan apakah kaedah yang digunakan oleh Kerajaan bagi mengeluarkan mereka dari kelompok kemiskinan.

145. PR-1522-L20471

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat memperteguh dan memperluas lagi kerjasama sesama negara dalam kumpulan Lapan Negara Membangun (D8).

146. PR-1522-L20652

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) pencapaian Jawatankuasa Penasihat kepada Menteri Kewangan yang ditubuhkan oleh YAB Perdana Menteri pada 7 Februari 2023; dan
- (b) cadangan-cadangan baharu untuk menangani empat skop utama jawatankuasa itu iaitu hasil dan perbelanjaan Kerajaan, subsidi dan jaringan perlindungan sosial, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) serta hutang negara.

147. PR-1522-L19918

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan memberikan pencerahan tentang keseriusan masalah perjudian *online* dan status pencapaian Kementerian berhubung tindakan atau intervensi ke atas masalah perjudian *online* di Malaysia lebih-lebih lagi dari segi kempen kesedaran awam.

148. PR-1522-L20985

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindakan tegas yang telah diambil Kerajaan dalam soal kedaulatan negara di Laut China Selatan susulan pencerobohan serta gangguan terbaru Kapal Pengawal Pantai China terhadap aktiviti cari gali minyak serta gas oleh Petronas di perairan Malaysia di sekitar Beting Patinggi Ali.

149. PR-1522-L19806

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah cadangan berkenaan kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bahagian majikan dinaikkan kepada 20 peratus akan memberi kesan kepada perusahaan makro, kecil dan sederhana (PMKS) negara ini.

150. PR-1522-L20263

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan bersedia meminda seksyen 9 Akta Perhimpunan Aman 2012 dan mengurangkan tempoh pemberitahuan perhimpunan daripada 5 hari kepada 24 jam untuk memperkasakan hak rakyat untuk berhimpun.

151. PR-1522-L19593

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang diambil oleh pihak Kementerian ke atas broker hartanah tidak berlesen yang semakin berleluasa di Malaysia.

152. PR-1522-L19592

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pertimbangan untuk mewujudkan pusat-pusat latihan TVET di sekitar Parlimen Putatan.

153. PR-1522-L19577

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah benar Kerajaan Jepun telah memberi pampasan kepada mangsa-mangsa Perang Dunia Ke-2 berjumlah RM207 bilion. Jika benar, bagaimana ia disalur dan diagihkan kepada mangsa-mangsa.

154. PR-1522-L20589

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang menaik taraf sistem rumah pam pengairan di kawasan Parlimen Parit pada waktu ini berikutan wujud isu kekurangan bekalan sumber air kepada para petani.

155. PR-1522-L20211

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status terkini pengembalian/pelepasan tanah-tanah milik Persekutuan di Sabah dan Sarawak yang tidak diguna atau dibangunkan tanah-tanah tersebut bagi maksud Persekutuan dan berapa jumlah keluasan tanah yang terlibat serta tatacara atau mekanisme pelaksanaanya.

156. PR-1522-L20028

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tahap kesiap-siagaan negara menghadapi kemelesetan ekonomi global pada tahun ini seperti yang diramalkan oleh 45% pakar-pakar ekonomi dunia menurut laporan *May 2023 Chief Economists Outlook* terbitan *World Economic Forum*.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mencadangkan :-

MENYEDARI bahawa dalam sistem akauntabiliti negara, Institusi Audit merupakan *oversight* agensi kepada Parlimen yang berperanan untuk mengesahkan semua aktiviti dan kewangan yang telah diluluskan oleh Parlimen dilaksanakan oleh cabang eksekutif. Ketua Audit negara hendaklah menentukan sama ada pada pendapatnya wang telah digunakan untuk maksud yang diperuntukkan atau dibenarkan dan aktiviti yang berhubung dengannya, dijalankan atau diuruskan dengan cara yang cekap, dengan memberi perhatian sewajarnya terhadap keekonomian dan pengelakkan pembaziran atau kebocoran seperti termaktub dalam Akta Audit 1957 [Akta62].

MENYEDARI akan cabaran yang dihadapi oleh Ketua Audit Negara dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya, memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkaitan supaya isu yang dibangkitkan diberi perhatian sewajarnya manakala syor-syor utama yang terkandung dalam LKAN dilaksanakan dengan berkesan.

MENYEDARI bahawa LKAN telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada Khamis, 16 Februari 2023 terdiri daripada :

- i. LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan;
- ii. LKAN tahun 2021 mengenai Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan; dan
- iii. LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.

MEMAHAMI bahawa LKAN membangkitkan isu-isu ketakteraturan serius yang berlaku dalam perakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan awam serta pengurusan aktiviti Kerajaan dan syarikat Kerajaan yang memerlukan tindakan berkesan daripada Kementeria, jabatan dan agensi yang diaudit.

MEMPERAKUI bahawa Kerajaan memandang serius isu yang dibangkitkan dalam LKAN, dan YAB Perdana Menteri sendiri sudah mengarahkan agar Menteri terlibat meneliti isu dibangkitkan. Segala isu yang menyebabkan ketirisan, ketidakpatuhan kepada peraturan, tidak mematuhi syarat dan kelemahan dalam perancangan perlu diteliti dan diambil pengajaran (*lessons learnt*) supaya tidak berulang dalam pelaksanaan aktiviti/program/projek di masa akan datang.

BAHAWA dalam Ketua Audit Negara melaksanakan mandatnya, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar dapatkan Audit dan syor yang terkandung dalam laporan tersebut dapat diambil tindakan dengan serius oleh pihak terlibat untuk mengatasi kelemahan yang ditemui dan seterusnya mengelakkan ketirisan wang awam daripada terus berlaku.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [6 Jun 2023]

2. (D.R 22/2023) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi]

3. **Menteri Kesihatan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa perolehan vaksin COVID-19 dilaksanakan atas persetujuan Mesyuarat Jemaah Menteri melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) yang dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Kesihatan dan YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, dan diberi kuasa untuk berunding, menandatangani perjanjian pembelian serta membuat perolehan vaksin COVID-19.

Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa perjanjian yang ditandatangani telah melalui proses semakan dan nasihat daripada Jabatan Peguam Negara bagi memastikan bekalan vaksin COVID-19 dapat diperoleh dengan segera, selamat dan teratur mengikut Prosedur Operasi Standard Perolehan Vaksin COVID-19 yang dibangunkan hasil konsultasi Kementerian Kesihatan bersama Bahagian Perolehan Kerajaan dan Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan.

Bahawa Kementerian Kesihatan antara lain telah melaksanakan intervensi kesihatan awam yang tidak melibatkan bahan farmaseutikal ataupun *Non-Pharmaceutical Interventions (NPis)* serta turut melaksanakan pemberian vaksinasi COVID-19 melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi mengekang penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Bahawa Dewan ini menyedari bahawa program vaksinasi yang dilaksanakan telah berjaya mengawal penularan COVID-19, mencegah komplikasi yang teruk termasuk kemasukan ke hospital seterusnya membawa kematian. Langkah-langkah kawalan dan pencegahan bukan farmaseutikal dan vaksinasi ini telah berjaya melandaikan keluk pandemik COVID-19 Negara dan seterusnya memulihkan beban kesihatan awam Negara.

Bahawa Dewan ini mengesahkan perolehan vaksin COVID-19 yang telah dilaksanakan pada tahun 2020 hingga tahun 2023 dan hala tuju Kerajaan seterusnya seperti dinyatakan dalam Kertas Perintah 28 Tahun 2023 iaitu Kertas Putih Pengurusan Perolehan Vaksin COVID-19 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Selasa, 6 Jun 2023."

4. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, membuat ketetapan di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bahawa Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bagi tahun 2020 (Kertas Status ST.140 Tahun 2023) yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 25 Mei 2023, untuk membahaskan isu-isu dan syor-syor yang terkandung dalam Laporan Tahunan ini;

memperakui bahawa aspirasi dan komitmen Kerajaan yang telus dan berintegriti dalam usaha melindungi, memenuhi tanggungjawab dan menghormati isu hak asasi manusia telah mengangkat dan menjadikan SUHAKAM sebagai satu badan bebas yang dikenali di peringkat nasional dan antarabangsa sehingga diberi pengiktirafan status A di bawah Prinsip-prinsip Paris (*Paris Principles*) selain mampu mewujudkan kerjasama yang baik antara agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) demi melindungi dan mempromosi hak asasi manusia di Malaysia;

menyedari bahawa di dalam era dunia digital ini dengan kemudahan memperolehi maklumat dari internet dan media sosial menyebabkan pentingnya isu hak asasi manusia untuk di beri penjelasan dan pencerahan oleh pihak SUHAKAM dan Kerajaan bagi memastikan agenda Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat difahami dengan baik dan ditangani dengan sewajarnya selain keperluan Kerajaan untuk membantu/bekerjasama rapat dengan SUHAKAM dalam memperkuuhkan lagi usaha mempertingkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia dan menjaga serta menangani pelbagai isu sosial, ekonomi, kebudayaan serta politik dalam kalangan rakyat;

mengambil maklum akan cabaran yang dihadapi oleh SUHAKAM dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkaitan selain pertimbangan bagi melaksanakan dengan berkesan syor-syor utama yang terkandung dalam laporan tersebut serta memahami keperluan Kerajaan menandatangi dan menyertai/meratifikasi triti dan konvensyen antarabangsa berkenaan hak asasi manusia bagi memperkasakan lagi hala tuju dalam memupuk dan mempertahankan hak asasi manusia di Malaysia;

menyokong kepentingan perbahasan Laporan Tahunan ini bagi mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam memelihara dan melindungi hak asasi manusia melibatkan pelbagai lapisan masyarakat; dan

Bahawa dalam SUHAKAM melaksanakan mandatnya mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama bertanggungjawab dan bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar pelaksanaan syor, pandangan dan cadangan yang terkandung dalam laporan tersebut dapat disahkan dan diluluskan."

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM27,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sehingga akhir Mei tahun 2023 ke Kumpulan Wang Pembangunan."

6. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 6(2), subseksyen 90A(2), subseksyen 91I(2) dan subseksyen 91U(2), subseksyen 91DA(2), Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.181 dan ST.182 bagi tahun 2022 serta ST.125, ST.126, ST.127, ST.129, ST.130, ST.134 bagi tahun 2023 disahkan."

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 7(2), Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 supaya Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.38 bagi tahun 2023 disahkan."

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3), Akta Cukai Jualan 2018 supaya Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.35 dan ST.128 bagi tahun 2023 disahkan."

9. PR-1522-U(27)254

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen

untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Perdana Menteri]

10. PR-1522-U(27)255

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

11. PR-1522-U(27)256

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

12. PR-1522-U(27)257

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepat penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

[Menteri Ekonomi]

13. PR-1522-U(27)258

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

14. PR-1522-U(27)259

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

15. PR-1522-U(27)260

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang pro-LGBT dan pro-liberalisme. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan pro-LGBT dan pro-liberalisme di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati. "

[Menteri Komunikasi dan Digital]

16. PR-1522-U(27)261

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

17. PR-1522-U(27)262

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

18. PR-1522-U(27)263

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di dalam kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

[Menteri Sumber Manusia]

19. PR-1522-U(27)264

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi bajet 2023. Dalam ucapan bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepatkan saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

20. PR-1522-U(27)265

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

21. PR-1522-U(27)266

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

22. PR-1522-U(27)267

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jiran terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

23. PR-1522-U(27)246

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan. "

[Menteri Sumber Manusia]

24. PR-1522-U(27)247

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah- buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan. "

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

25. PR-1522-U(27)248

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengutamakan penternak dan pengeluar tempatan. Sementara Kerajaan tidak mengawal harga telur import dari luar negara ke Malaysia, maka adalah adil untuk Kerajaan menghapuskan kawalan harga terhadap telur ayam kerana "unfair advantage" kepada para pengimpor telur ayam dalam saingan sedangkan penternak-perternak tempatan pula mengalami kerugian akibat kos pengeluaran yang tinggi.

Keputusan Kerajaan untuk mengimport telur ayam daripada beberapa sumber luar seperti India dan Thailand sebagai langkah jangka pendek untuk memastikan bekalan mencukupi bukanlah penyelesaian yang tuntas dan ia sebenarnya adalah suatu tindakan yang mendiskriminasi penternak dan pengeluar tempatan memandangkan Malaysia pernah diangkat sebagai pengeksport telur kelima terbesar di dunia ketika era sebelum pandemik COVID-19.

Sebagai sebuah Kerajaan yang berpaksi kukuh di atas mandat rakyat, adalah disarankan agar Kerajaan tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dan bersifat dangkal memandangkan penternak dan pengeluar tempatan yang menanggung implikasinya secara total serta satu mekanisme yang lebih ampuh perlu dilandaskan bagi membela nasib penternak dan pengeluar tempatan."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

26. PR-1522-U(27)249

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengambil tindakan segera terhadap masalah dan kesukaran para penumpang menuntut balik wang yang telah dibayar kepada syarikat-syarikat penerbangan untuk tempahan tiket penerbangan akibat pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan semasa pandemik dan pasca COVID-19.

Ramai penumpang menghadapi kesukaran menukar "credit shell" kepada pembayaran tiket penerbangan disebabkan pelbagai sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan. Gejala ini semakin serius berikutan pembatalan penerbangan yang sangat kerap oleh syarikat-syarikat penerbangan serta tiada pembayaran balik secara tunai kepada penumpang.

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) digesa untuk menyiasat perkara ini serta mengambil tindakan terhadap mana-mana syarikat penerbangan yang mengenakan syarat-syarat ketat dan tidak munasabah dalam soal "redemption of credit shell" demi melindungi kepentingan penumpang."

[Menteri Pengangkutan]

27. PR-1522-U(27)251

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan dasar perolehan di peringkat Kerajaan dapat memberi manfaat kepada syarikat-syarikat tempatan sekali gus merancakkan ekonomi di peringkat domestik dengan peningkatan peluang pekerjaan, penambahan pendapatan dan peningkatan produktiviti.

Dalam membantu syarikat tempatan kekal berdaya saing dan memastikan survival mereka dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan harus memainkan peranan untuk membantu mereka dan memastikan perolehan kerajaan diisi oleh syarikat-syarikat ini yang berkemampuan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Ini termasuk sektor pengangkutan, pembuatan, kesihatan, perkilangan, perkilangan, dan semua sektor lain.

Dalam sesebuah projek Kerajaan, selain pemberian projek, ia juga akan melibatkan pembekalan komponen, barang mentah dan input yang berlainan. Kerajaan harus memastikan syarikat-syarikat tempatan mendapat manfaat di setiap lapisan perolehan yang dibuat, bersesuaian dengan kemampuan dan kualiti yang ditawarkan.

Kerajaan juga dalam masa sama perlu merangka modul yang menetapkan standard supaya syarikat-syarikat tempatan di setiap sektor dapat memastikan produk mereka menepati piawaian yang ditetapkan."

[Menteri Kewangan]

28. PR-1522-U(27)252

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan perancangan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) terhadap polisi ekonomi gig yang lebih mampan. Dalam ketidaktentuan ekonomi yang berlaku beberapa tahun ini, sektor ini telah menjadi pilihan graduan, OKU, ibu tunggal, pesara dan penganggur dalam kalangan B40 untuk menyara keluarga mereka.

Antara masalah yang mereka hadapi adalah ketiadaan polisi khusus untuk menjaga kebajikan mereka, mereka tidak mendapat faedah gaji minimum, pendapatan yang tidak konsisten bergantung kepada permintaan aplikasi dan mereka tidak diiktiraf di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 67).

Dengan perkembangan pesat ekonomi digital kini, Kerajaan seharusnya merancang dan mengiktiraf pekerja dalam sektor ini yang menjadi salah satu penyumbang kepada ekonomi negara, dalam masa sama menjaga kebajikan mereka dengan mengimbangi perkembangan daya saing mereka dalam pelbagai bidang."

[Menteri Ekonomi]

29. PR-1522-U(27)253

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan sebuah model, kaedah dan pendekatan patuh syariah yang memudahkan rakyat terkesan seperti kemiskinan situasi, bencana alam, kejutan ekonomi merudum dan sebagainya mendapatkan bantuan kewangan melalui pinjaman tanpa/rendah faedah bagi memastikan mereka dapat memastikan kelangsungan kehidupan keluarga terjamin dalam situasi pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan.

Keadaan semasa mereka yang menghadapi kesulitan hidup memilih jalan pintas untuk keluar dari kemelut tanpa memikirkan kesan jangka panjang yang akhirnya akan menimbulkan keretakan struktur sosial negara yang pasti menjelaskan pembentukan generasi mendatang serta keutuhan institusi keluarga.

Kerajaan perlu mengatasi perkara ini segera kerana ia akan memberi kesan langsung kepada bakat negara dan penentuan peningkatan produktiviti."

[Menteri Kewangan]

30. PR-1522-U(27)250

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengesas Kerajaan mengkaji persempadanan semula kawasan pilihan raya di Sabah dan Sarawak melalui tambahan jumlah kerusi Parlimen di wilayah Sabah dan Sarawak untuk mencukupkan jumlah 35% kerusi dari wilayah Sabah dan Sarawak atau sekurang-kurangnya 7 kerusi bagi wilayah Sabah. Melalui usul ini, saya mengusul agar Parlimen Kudat dengan keluasan 2300 kilometer persegi di mana terdapat 2 daerah penuh dan 1 daerah kecil dengan kedudukan geografi yang terpisah dapat dibahagi kepada dua kawasan Parlimen."

[Perdana Menteri]

31. PR-1522-U(27)268

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] akan mencadangkan :

"Bahwasanya Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya konsep MADANI yang berteraskan kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan menjadi gagasan pentadbiran negara."

[Perdana Menteri]

32. PR-1522-U(27)269

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

" Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengkaji semula struktur tempoh latihan industri dalam kurikulum pengajian tinggi, sebagai satu langkah proaktif untuk menangani isu pengangguran graduan universiti yang semakin membimbangkan. Isu ini seringkali timbul kerana ketidaksesuaian antara kemahiran atau pengetahuan yang dipelajari di universiti dengan keperluan dunia pekerjaan.

Salah satu cara yang dicadangkan adalah mengubah tempoh latihan industri sebahagian kursus yang sedia ada selama enam bulan kepada tiga tempoh dua bulan yang berasingan dan ia akan dijalankan pada tahun kedua, ketiga dan keempat pengajian. Langkah ini akan membolehkan pelajar memperoleh kemahiran dan pengetahuan secara berperingkat, memastikan peralihan yang lebih lancar ke dunia pekerjaan, dan juga memudahkan pihak universiti untuk menerima maklum balas daripada majikan mengenai keberkesanan silibus kursus pengajian yang diterapkan. Dengan adanya pembaharuan struktur latihan industri ini, graduan yang lebih berpotensi dan berkemahiran akan dihasilkan, serta lebih bersedia untuk memasuki dunia pekerjaan.

Kita perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan graduan kita lebih bersedia dan berdaya saing untuk memasuki pasaran pekerjaan, dan dengan itu mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan."

[Menteri Pendidikan Tinggi]

33. PR-1522-U(27)270

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

" Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan penubuhan hotline 24 jam, yang dikelola dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Bomba, SWCORP, khususnya untuk mengatasi isu pembakaran terbuka di kawasan perumahan. Penguatkuasaan yang efektif amat penting untuk mengelakan palaku terus melakukan kesalahan pembakaran terbuka yang akan merosakkan alam sekitar dan menyebabkan kesihatan orang awam terjejas. Oleh itu, prosedur untuk melaporkan dan mengambil tindakan perlu dipermudahkan. Pengadu hanya perlu menghantar bukti seperti rakaman gambar atau video, masa dan tarikh kejadian, serta maklumat lain seperti no plat kenderaan atau alamat tempat tinggal (jika ada) melalui hotline tersebut. Dengan bukti tersebut, saman boleh dikeluarkan dengan serta -merta kepada pesalah.

Proses ini seharusnya dijalankan dengan cara yang serupa dengan proses saman trafik, dengan melibatkan bukti visual daripada kejadian tersebut. Sebarang bantahan terhadap saman boleh dibawa kepada SWCORP dan kes juga boleh dibicarakan dalam mahkamah.

Tindakan yang tegas dan berkesa perlu diambl terhadap mereka yang melakukan pembakaran terbuka demi kesejahteraan alam sekitar kita."

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 07.06.2023 (Rabu)	1. YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)	1. Rang Undang-Undang berkaitan Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori, Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat	1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
2. 07.06.2023 (Rabu)	2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)	2. Cadangan Pengambilalihan Operasi <i>Malaysian Palm Oil Green Conservation Foundation</i> (MPOGCF)	2. YB Menteri Perladangan Dan Komoditi
3. 07.06.2023 (Rabu)	3. YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Binti Samsudin (Masjid Tanah)	3. Kelewatan Projek Perumahan Taman Seri Aman Lagenda, Masjid Tanah Melaka	3. YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan
4. 07.06.2023 (Rabu)	4. YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Binti Samsudin (Masjid Tanah)	4. Bangunan Baharu bagi SK Kampung Tengah, Kuala Sungai Baru, Melaka	4. YB Menteri Pendidikan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**